

'Baba' terlampau

Metro 12/6/12 MAS C

OKU berhati syaitan perkosa, liwat budak perempuan berusia lima tahun dijaga isteri

>>Oleh Amir Abd Hamid

amir@hmetro.com.my

KLANG: Dia dipanggil 'baba' oleh seorang budak perempuan berusia lima tahun yang dijaga isterinya, namun dia rupa-rupanya syaitan bertopengkan manusia apabila tergamak merogol dan meliwat kanak-kanak malang itu.

Amat menyedihkan kerana suspek yang berusia 50-an dan berstatus orang kelainan upaya (OKU) serta menerima pencen ilat akibat ke-

malangan di tempat kerja beberapa tahun lalu, bijak mengambil kesempatan di atas sikap manja mangsa kepadanya.

Kejadian itu yang berlaku di sebuah kampung di pinggir bandar ini hanya disedari ibu mangsa baru-baru ini apabila mangsa yang masih belajar di tadika mengadu kesakitan di bahagian kemaluan.

Sumber berkata, kanak-kanak perempuan malang itu dijaga pengasuh yang juga isteri suspek sejak berusia dua tahun manakala dua lagi

adik mangsa dijaga nenek kanak-kanak itu.

"Sebelum itu memang mangsa kerap mengadu sakit dan bersikap murung dan pada 3 Jun lalu ibunya membawanya ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk rawatan.

"Doktor kemudian mengesahkan mangsa dirogol dan diliwat. Keluarga mangsa melaporkan kejadian ke balai polis berhampiran.

"Apa yang dikesalkan, mangsa sangat manja dengan suspek, malah memanggilnya sebagai baba dan mangsa

memberitahu ibunya, baba sering mengajaknya masuk ke dalam bilik sebelum dia menjadi mangsa nafsu buas suspek," katanya.

Menurut sumber itu, suspek ditahan kira-kira jam 8 malam di rumahnya pada hari aduan dibuat oleh ibu mangsa pada 3 Jun lalu.

Katanya, isteri suspek turut terkejut dan tidak menyangka suaminya sanggup bertindak hina terhadap kanak-kanak asuhannya.

"Selain mangsa yang hampir sepenuh masa tinggal dengan pengasuh, ada dua lagi

kanak-kanak lain, tetapi jarang dihantar ke rumah pengasuh itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan (KK) iaitu rogol dan Seksyen 377C KK iaitu melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii.

Menurutnya, suspek ditahan reman reman hingga 15 Jun ini bagi membantu siasatan.